# BAB KELIMA

## BAB KELIMA

## KESIMPULAN DAN SARANAN

Dalam mengakhiri penulisan yang berkisar dalam tajuk da$^{c}$wah ini, penulis akan mengutarakan beberapa kesimpulan yang dibuat hasil dari penyelidikan-penyelidikan dan pemerhatian-pemerhatian yang telah dijalankan oleh penulis sendiri. Begitu juga penulis akan mengemukakan beberapa saranan dalam usaha mempertingkatkan mutu da$^{c}$wah terhadap golongan bukan Islam dan saudara baru. Adalah menjadi harapan dari penulis sendiri agar saranan-saranan yang akan dikemukakan ini akan dapat membantu kejayaan da$^{c}$wah terhadap kedua-dua golongan ini dari satu masa ke masa yang lain.

Di antara kesimpulan -kesimpulan yang dapat diutarakan oleb penulis ialah seperti berikut :-

1. Islam suatu ajaran suci yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w adalah untuk menjadi ikutan semua. Rasulullah s.a.w telah berda$^{c}$wah di dalam semua keadaan hanya untuk menyampaikan ajaran suci ini kepada semua manusia. Ternyata manusia tidak semudah itu memudah itu menerima ajaran ini, menjadikan tugas da$^{c}$wah ini tidak semudah mengajak jiran untuk menghadiri kenduri atau mengajak anak-anak pergi bersiar. Hanya manusia yang waras menggunakan aqalnya , bijak menilai hidup ini dan tidak tunduk pada hawa nafsunya yang dapat mengenal erti kebenaran yang dibawakan oleh Rasulullah s.a.w ini. Walaupun begitu Rasulullah s.a.w tidak pernah mengenal erti putus asa sepanjang menjalankan amanah besar yang telah diamanahkan oleh Allah

.w.t kepadanya. Baginda berjaya membina generasi Sahabah yang tak... diuji yang dapat menghayati Islam sepenuhnya.

Negara kita juga tidak ketinggalan di dalam menerima arus kebangkitan semula Islam. Anak-anak muda yang berjiwa waja tampil ke hadapan melaungkan Islam sebagai satu-satunya sistem hidup yang sempurna yang mesti dihayati oleh semua penganutnya dan dapat menyelamatkan umat manusia sekarang daripada keruntuhan sistem yang ada. Kegairahan ini jelas dari program-program yang disusun di semua peringkat. Sasaran utama program-program ini adalah umat Islam sendiri yang hanya tinggal nama sahaja Islam, tetapi kehidupan seharian mereka tidak mencerminkan sebarang perbedaan dengan yang bukan Islam. Di dalam kegairahan berda^cwah ini mereka semacam melupakan satu golongan lain yang sebenarnya amat perlu untuk dida^cwahkan iaitu golongan bukan Islam. Umat Islam semestinyalah menyedari akan tugas dan tanggungjawab terhadap golongan-golongan ini sesuai sebagai satu umat pewaris Nabi-nabi dalam penyebaran ajaran Islam yang suci ini.

... Keseluruhan badan da^cwah yang terdapat di Malaysia khususnya di Wilayah Persekutuan bergiat dalam berda^cwah kepada golongan Islam sendiri tanpa menyedari ada golongan lain yang juga perlu dida^cwahkan. Dari hari ke hari, masyarakat Islam telah jauh meninggalkan agama yang dianutinya. Mereka telah meninggalkan suruhan-suruhan Islam seperti meninggalkan sembahyang, zakat dan sebagainya bahkan pula mengerjakan apa yang dilarang oleh Islam seperti penagihan dadah yang ...-amat berleluasa dewasa ini, pergaulan muda-mudi yang melampaui

batas sehingga melahirkan anak-anak luar nikah dan sebagainya. Menyedari keadaan-keadaan yang amat tenat yang dihadapi oleh umat Islam hari inilah menyebabkan badan-badan da^c^wah ini hanya menumpukan ke arah memperbaiki keadaan umat Islam ini sahaja.

Dalam suasana umat Islam sendiri telah menjauhkan diri mereka dengan ajaran Islam dan dalam masa yang sama juga Gerakan Kristian terus menggiatkan pengembangan ajarannya kepada masyarakat bukan Islam amat menggerunkan kita umat Islam seluruhnya kerana adalah menjadi suatu kebimbangan gejala ini tidak dapat dibendung di masa-masa akan datang. Umat Islam mestilah segera bangun dari mimpi yang indah dan memikirkan apakah langkah-langkah yang berkesan yang mesti diambil bagi mengatasi masalah ini.

Menurut analisa dari Pusat Islam, iaitu analisa dari gereja dan organisasi Kristian tempatan menganggarkan bahawa kadar pertumbuhan Kristianisasi adalah 8 hingga 12% semusim di kalangan belia-belia Cina dan India. Pada kadar ini, hampir kesemua bangsa India dan Cina akan dikristiankan dalam tempoh 40 tahun akan datang.[1] Malah apa yang menyedihkan kita lagi ialah ada di kalangan umat Islam sendiri yang telah berjaya dikristiankan, walaupun dalam jumlah yang sedikit tetapi ianya sementinya diambil tindakan dengan segera.

---

[1]Sumber dari Bahagian Penyelidikan Pusat Islam Malaysia.

Menyedari Gerakan Kristian yang semakin pesat dan membimbangkan ini, maka pimpinan ABIM telah menubuhkan suatu program khas untuk berda^cwah kepada golongan bukan Islam dan saudara baru. Langkah pihak ABIM ini sepatutnya difikirkan dan diambil inisiatif oleh badan-badan Da^cwah lain di Malaysia untuk mengikuti langkah yang murni ini . Program yang dinamakan "Islamic Outreach" ini diharapkan akan dapat membantu memperkembangkan dan menyampaikan Islam dengan memberikan gambaran yang sebenarnya tentang Islam agar mereka tidak memandang Islam melalui pemerhatian mereka terhadap peribadi umat Islam yang telah menyimpang jauh dari landasan-landasan Islam bahkan melihat Islam melalui sumbernya yang asal iaitu Al-Quran dan As -Sunnah Nabawiyah.

3. Di samping kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh Gerakan Misionari Kristian ini, Umat Islam pula gagal dalam menyebarkan Islam kepada golongan bukan Islam ini. Di sana terdapat beberapa faktor kenapa keadaan ini boleh terjadi. Di antara faktor terpenting ialah salah anggapan bukan Islam terhadap Konsep Islam itu sendiri. Anggapan salah mereka ialah seperti berikut :-

a) Islam adalah agama untuk orang Melayu. Ini memang selalu ditimbulkan kerana gambaran yang diberikan oleh orang-orang Islam sendiri bahawa masuk Islam adalah masuk Melayu. Seorang saudara baru dikenakan syarat supaya mengikut kesemua kebiasaan orang Melayu.

b) Islam agama kuno. Ini timbul dari pemahaman mereka terhadap perbahasan di antara orang-orang Islam sendiri

yang selalu menekankan persoalan untuk kembali ke zaman Rasulullah s.a.w . Pada tanggapan mereka orang Islam ingin meninggalkan kemewahan yang ada termasuk kereta dan kembali menunggang unta.

c) Hukuman di dalam Islam adalah kejam. Mereka menganggap hukuman Islam ini merendahkan martabat manusia kerana mereka tidak didedahkan kepada konsep yang sebenarnya.

d) Islam menghadkan pilihan terhadap makanan. Orang bukan Islam beranggapan bahawa pengharaman beberapa jenis makanan seolah-olahnya menyekat penganut Islam dari menikmati kelazatan makanan dan minuman yang ada.

e) Islam ini keras. Ramai orang bukan Islam menyangka bahawa mengerjakan sembahyang itu membuang masa, puasa itu adalah penyeksaan, zakat merupakan paksaan ( kerana mereka adalah tamak) dan menunaikan fardu haji itu hanya menguntungkan negara Arab Saudi sahaja.

f) Islam menggalakkan pengikutnya berperang . Mereka memahami jihad diwajibkan kepada orang Islam untuk memaksa orang-orang bukan Islam menerima Islam. Dakwaan mereka ialah Islam ini disebarkan dengan mata pedang.

g) Islam membenarkan lelaki berkahwin lebih dari satu. Pada pandangan mereka Islam ini tidak adil kepada kaum perempuan. Malah ada di kalangan mereka juga yang mengatakan bahawa poligami ini adalah idea Nabi Muhammad s.a.w dan beliaulah orang yang pertama memperkenalkan ideanya kepada dunia.

b.) Tuhan orang Islam zalim. Perkara ini timbul dari salah tafsiran terhadap hukuman yang ada di dalam Islam, di mana di dalam agama lain lebih relax dan nampak seolah-olah Tuhan lebih penyayang.[1]

Inilah di antara salah faham mereka terhadap Islam. Salah faham ini timbul dari beberapa sebab seperti berikut :-

i) Hasil dari gerak kerja penda^cwah bukan Islam, orientalis yang sengaja menaparkan Islam ini dalam perspektif yang salah.

ii) Ia juga akibat kegagalan umat Islam sendiri untuk memberikan jawapan yang betul terhadap salah faham mereka itu. Ada juga setengah-setengah orang Islam yang lebih senang untuk memelihara hati orang lain dari menjaga syariat Allah s.w.t.

4. Dari analisa dan kajian yang telah dilakukan oleh penulis, penulis mendapati bahawa kebanyakkan pengislaman adalah berdasarkan perkahwinan. Di Malaysia khususnya di Wilayah Persekutuan bangsa Cina merupakan bangsa yang teramai sekali memeluk agama Islam. Kemudian diikuti pula oleh bangsa India. (lihat lampiran 6). Menurut sumber dari Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan hampir 90% pengislaman adalah berasaskan perkahwinan dengan orang Islam ataupun [illegible] inginkan

---

[1]Kertas seminar kesedaran umat Islam untuk berda^cwah kepada masyarakat belum Islam di Malaysia pada 21 Ogos 198[illegible] di Pusat Islam, Kuala Lumpur.

hak-hak istimewa yang akan mereka perolehi seperti yang diperolehi oleh kaum bumiputera. Ini adalah kerana di Malaysia lazimnya masuk Islam diertikan masuk Melayu. Amat sedikit jumlah pengislaman yang berdasarkan kesedaran bahawa agama Islam adalah agama yang suci dan baik untuk dianuti. Itulah sebabnya kita dapati golongan saudara baru ini amat sukar untuk dibimbing dan diberi tunjuk ajar dan juga sukar untuk mengamalkan ajaran-ajaran Islam seperti sembahyang dan sebagainya.

Pihak Outreach sedar walaupun pengislaman mereka ini banyak yang berasaskan perkahwinan, mereka juga perlu diberi bimbingan sedikit demi sedikit tentang ajaran Islam, semuga dengan bimbingan yang baik yang diperolehi oleh mereka ini akan mampu menjadikan mereka seorang muslim yang berpegang teguh kepada ajaran Islam. Tidak kira apa pun sebab yang mendorong mereka untuk menganut Islam, mereka perlu diberi bimbingan yang berterusan sehingga setelah benar-benar mereka mengenali Islam, mereka akan tertarik dengan ajarannya seterusnya akan mengamalkan dalam kehidupan mereka seharian.

5. Aspek kebajikan dan sosial merupakan aspek terpenting yang boleh membantu kejayaan dalam bidang da<sup>c</sup>wah. Aspek ini telah lama digunakan oleh Gerakan Kristian dalam mengembangkan ajarannya. Maka tidak hairanlah mengapa golongan bukan Islam di Malaysia lebih mudah untuk menerima agama ini berbanding dengan ajaran Islam yang dikatakan sebagai agama resmi negara ini. Penda<sup>c</sup>wah-penda<sup>c</sup>wah Kristian sanggup sama-sama hidup di kawasan pendalaman seperti kawasan-kawasan o-

ang asli yang tidak mempunyai sebarang kemudahan semata-mata untuk mementingkan ajaran mereka boleh diterima oleh masyarakat itu. Mereka juga menyumbangkan segala bentuk bantuan kepada masyarakat yang akan dida^c^wahkan itu seperti makanan, pakaian dan sebagainya. Pertolongan-pertolongan yang telah diberikan ini amat-amat dihargai oleh golongan bukan Islam lantas ia membawa kepada kemasukan dalam agama Kristian dengan mudah sekali.

Berbanding dengan Gerakan-gerakan da^c^wah Islamiah amat jarang sekali menggunakan aspek ini dalam menda^c^wahkan golongan ini. Itulah sebabnya gerakan da^c^wah Islam amat sukar sekali diterima oleh masyarakat bukan Islam. Sekiranya diteliti penda^c^wah-penda^c^wah Islam bukan sahaja kekurangan dalam aspek kebajikan dan sosial ini, malahan semangat pengorbanan yang ada dalam diri mereka juga amat kurang sekali. Sebagai buktinya ialah apabila mereka akan dihantar untuk menda^c^wah masyarakat yang tinggal jauh di pendalaman, mereka akan mengemukakan berbagai-bagai alasan kepada pihak atasan. Mereka ini tidak sanggup untuk meninggalkan keluarga dalam jangka waktu yang lama. Walaupun pemergian mereka semuanya ditanggung oleh Pihak Kerajaan termasuk tiket kapalterbang dan elaun sara diri.[1]

6. Masalah-masalah yang sering dihadapi oleh badan-badan da^c^wah tidak kira sama ada badan da^c^wah itu badan da^c^wah kerajaan mahu-

---

[1]Temubual dengan Ustaz Mohd.Shahir Bin Abdullah, op. cit.

pun badan da$^{c}$wah persendirian ialah masalah kekurangan tenaga penda$^{c}$wah dan juga masalah kurangnya kemampuan mereka dalam menyampaikan da$^{c}$wah di dalam bahasa-bahasa selain daripada Bahasa Malaysia. Penda$^{c}$wah-penda$^{c}$wah yang mempunyai kemampuan dalam berbahasa Inggeris bukannya tidak ada langsung tetapi jumlah mereka adalah terlalu sedikit yang hanya boleh dihitung dengan jari sahaja. Bagi golongan bukan Islam yang mempunyai tahap pencapaian akademik yang tinggi, mereka lebih suka menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa Perantaraan, manakala bagi mereka yang mempunyai tahap pencapaian akademik yang rendah pula lebih suka menggunakan bahasa ibundanya sebagai bahasa perantaraannya.

... Di samping masalah kekurangan tenaga penda$^{c}$wah, mereka juga menghadapi masalah kekurangan sumber kewangan. Masalah ini akan lebih dirasai oleh Badan Da$^{c}$wah Persendirian yang mana ianya tidak mendapat sebarang pembiayaan dari Pihak Kerajaan . Masalah kekurangan sumber kewangan ini akan menghalang sebahagian dari program yang dirancangkan yang mana memerlukan penggunaan wang yang boleh dikira besar .

Setelah mengungkapkan beberapa kesimpulan, di sini penulis ingin menyertakan beberapa saranan. Saranan-saranan ini bukanlah untuk memperkecil-kecilkan usaha-usaha da$^{c}$wah yang telah dilaksanakan, tetapi adalah diharapkan agar ianya dapat memberikan sumbangan sedikit sebanyak kepada badan-badan da$^{c}$wah khususnya Islamic Outreach ini agar ianya akan berkembang dengan lebih baik di masa-masa akan datang.

Di antara saranan-saranan itu ialah seperti berikut :-

1. Sebuah jawatankuasa tertinggi mestilah ditubuhkan yang bertanggungjawab merancang dan menyelaras program da$^{c}$wah kepada masyarakat bukan Islam di Malaysia. Tugas-tugas ini adalah tugas pemerintah bersesuaian Islam sebagai agama resmi negara ini. Dalam hal ini semua badan da$^{c}$wah juga perlu menyedari tanggungjawab mengembangkan Islam bukan hanya tertumpu kepada umat Islam bahkan ianya meliputi kepada seluruh manusia.

2. Pusat Islam sebagai badan induk yang melaksanakan program-program da$^{c}$wah di seluruh Malaysia dan sebagai sebuah badan yang dibiayai penuh oleh Kerajaan hendaklah melatih kader-kader da$^{c}$wahnya berkursus dalam berbagai-bagai bahasa terutamanya bahasa-bahasa utama bagi bangsa-bangsa yang mempunyai bilangan majoriti di Malaysia seperti bahasa Tamil, Cina, begitu juga dengan bahasa Inggeris kerana bahasa ini digunakan oleh rata-rata dari masyarakat terutamanya di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur.

Pusat Islam juga yang mempunyai ramai dari tenaga penda$^{c}$wahnya hendaklah sentiasa bersedia menghantar penda$^{c}$wahnya kepada badan-badan da$^{c}$wah yang kekurangan penda$^{c}$wah. Pusat Islam juga mestilah menyedari bahawa kerjasama yang diberikan kepada badan-badan da$^{c}$wah [illegible] tidak memadai dengan hanya mengadakan seminar-seminar atau kursus-kursus dan sebagainya, malahan kerjasama juga adalah di bantuan dari sudut menyumbangkan tenaga penda$^{c}$wah dan lain-lain bantuan yang amat diharapkan oleh badan-badan da$^{c}$wah itu.

3. Peranan Baitulmal hendaklah disemak semula. Ini adalah kerana sejak kebelakangan ini terdengar banyak sekali rungutan dari orang ramai bahawa penyelenggaraan Baitulmal ini ada sedikit ketidakadilan dan penyelewengan. Setakat ini bantuan yang diberikan oleh Baitulmal amatlah mendukacitakan terhadap saudara baru. Mereka perlu menginsafi dan menyedari bahawa golongan ini mempunyai hak dalam penerimaan harta-harta dari Baitulmal ini sebagai suatu golongan yang diamanahkan oleh Allah s.w.t supaya diberi pertolongan bagi memprastikan iman mereka akan tetap teguh dalam Islam dan semuga di masa akan datang bantuan ini akan dapat dilipatgandakan. Dalam menangani permasalahan ini Pihak pemerintah hendaklah merangka suatu skim khas untuk membantu saudara-saudara baru ini.

4. Pendekatan da$^{c}$wah terhadap golongan bukan Islam mestilah dikaji dengan lebih mendalam agar mereka dapat menerima dengan baik ajakan ini. Di antara pendekatan yang perlu diambil oleh penda$^{c}$wah ialah mengkaji tentang adat sesuatu bangsa, begitu juga dengan kepercayaan dan tradisi mereka. Pendekatan da$^{c}$wah dari sudut perkhidmatan kebajikan juga perlu diambil kira. Program-program lawatan kebajikan ke hospital-hospital, rumah-rumah kebajikan, melawat mangsa-mangsa malapetaka dan kawasan-kawasan pendalaman. Pendekatan secara ini adalah lebih mendatangkan kesan yang mendalam ke dalam hati golongan bukan Islam. Setakat ini pertolongan kebajikan ini lebih banyak ditonjolkan oleh Gerakan Kristian berbanding dengan Gerakan Islam sendiri.

5. Beberapa peraturan pengislaman perlu dikaji semula supaya selaras dengan kehendak Islam. Begitu juga data maklumat pengislaman perlu dikemaskinikan selaras dengan kehendak dan keperluan semasa.

6. Penda$^{c}$wah-penda$^{c}$wah perlu menanamkan semangat pengorbanan yang tinggi dalam memperjuangkan agama suci ini. Mereka mestilah sanggup mengorbankan tenaga, harta, masa dan sebagainya bagi menjamin kejayaan seruan ini.

7. Masyarakat Islam terutamanya golongan yang berada perlulah menyedari bagi mendermakan sedikit dari nikmat yang telah Allah s.w.t kurniakan kepada mereka terhadap usaha-usaha murni ke jalan Allah seperti menyumbangkan bantuan kewangan kepada badan-badan da$^{c}$wah yang amat-amat memerlukan bantuan kewangan.

8. Umat Islam mestilah diingatkan dan disedarkan supaya menjadi contoh yang terbaik bagi umat lain dalam segenap sudut terutamanya dari sudut tingkahlaku dan keperibadian agar golongan bukan Islam dapat merasakan bahawa agama ini sajalah yang dapat membentuk keperibadian yang unggul dan dapat mencipta kemajuan manusia.

9. Adalah menjadi tanggungjawab setiap umat Islam untuk membersihkan setiap tanggapan buruk golongan bukan Islam trehadap Islam. Umat Islam mestilah membawa hujah-hujah aqal yang logik ketika berhadapan dengan persoalan-persoalan yang mereka ajukan. Ini adalah kerana mereka tidak dapat menerima hujah-hujah yang dibawa dari Al-Quran ataupun As-Sunnah.

Manakala saranan-saranan penulis terhadap badan da^c^wah yang menjadi bahan kajiannya ialah seperti berikut :-

1. Para pendukung Islamic Outreach sama ada daripada kalangan ahli-ahli ABIM perlu didedahkan lebih dalam kepada :-

i) Sumber-sumber ilmu asas Islam dengan merujuk kepada sumber-sumber asli Islam itu sendiri secara lebih mendalam. Di sinilah terletaknya umbi Islam itu. Oleh itu mereka perlu mendalami bahan-bahan asal Islam meliputi Al-Quran, As-Sunnah, pemikiran tokoh-tokoh mu^c^tabar terutamanya di zaman awal Islam.

ii) Mempelajari dan mengetahui agama-agama lain supaya mudah untuk berhujah dengan bukan Islam di samping itu dapat memahami kepalsuan a ama-agama berkenaan.

iii) Mempelajari ideologi-ideologi moden yang sering meracuni kapemikiran umat Islam dewasa ini seperti sekulerisma, kapitalisma, komunisma dan sebagainya. Mereka boleh menerangkan kepada bukan Islam bahawa setiap ideologi ini terdapat beberapa kelemahan dan kepalsuan dan hanyalah Islam sebagai Ad-Din yang dapat menyelesaikan masalah manusia ini.

2. Untuk memantapkan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan Pihak Outreach hendaklah mengadakan hubungan yang erat terutamanya dengan Pusat Islam untuk mendapatkan bantuan tenaga terutamanya disamping lain-lain bantuan yang dirasakan perlu. Islamic Outreach juga hendaklah membuat hubungan dengan badan-badan da^c^wah lain terutamanya

badan-badan da$^{c}$wah seperti Perkim, Al-Hunafa yang mana badan-badan da$^{c}$wah ini juga menjalankan da$^{c}$wah terhadap saudara baru agar dapat berkongsi pengalaman-pengalaman yang berharga dan bertukar-tukar tenaga penda$^{c}$wah.

Di samping itu Pihak Outreach juga hendaklah mengadakan hubungan dengan orang perseorangan yang dirasakan mampu untuk mendukung cita-cita murni ini.

3. Pihak Outreach perlu mengundang penceramah-penceramah luar yang dapat memberikan kesan yang mendalam kepada peserta - peserta yang menghadiri kelas agar segala persoalan tentang Islam yang masih kabur dalam kotak fikiran mereka akan dapat dijelankan dengan baik.

4. Islamic Outreach juga hendaklah mengkaji dari masa ke semasa isi-isi ceramah yang akan disampaikan dalam kelas-kelas yang diadakan agar ianya bersesuaian dengan tahap pemikiran mereka yang masih baru menganut Islam. Rasanya aspek-aspek tasawuf bagi peringkat mereka tidak perlu ditekankan. Memadailah dengan membimbing mereka dalam aspek fardu $^{c}$ain dan mengaji Al-Quran dengan tajwid dan bacaan yang baik.

Demikianlah saranan-saranan yang dapat dikemukakan oleh penulis sebagai sedikit dari sumbangan terhadap kemajuan dan kejayaan da$^{c}$wah Islamiah di Malaysia.

Penutup.

Di dalam penulisan yang serba kekurangan dan kepincangan ini, penulis ingin menyatakan berbanyak kemaafan kerana mungkin penulisan ini tidak dapat memenuhi hasrat dan harapan dari pembaca dan pengkaji seterusnya. Segala yang baik itu adalah datangnya dari Allah s.w.t , dan segala kelemahan itu datangnya dari diri penulis yang serba daif ini.

Semoga Allah s.w.t akan senantiasa melimpahkan rahmatNya ke atas setiap insan yang memperjuangkan agamaNya di bumi yang fana ini dan menjadikan amalan mereka dari amalan yang diterima oleh Allah dan dari amalan yang solih.